



يَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ
YAYASAN ISLAM TERENGGANU
TINGKAT 9, 10-11, MENARA YAYASAN ISLAM TERENGGANU
JALAN SULTAN OMAR,
20300 KUALA TERENGGANU

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada rakyat Negeri Terengganu yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Yayasan Islam Terengganu sebagaimana berikut:-

JAWATAN : **PEMBANTU KESELAMATAN SETARA GRED KP1**

TARAF LANTIKAN : **KONTRAK - CONTRACT FOR SERVICE (CFS)**

GAJI PUKAL : **RM 1,800.00 SEBULAN**

KEKOSONGAN : **5**

PENEMPATAN :
(1) KUALA TERENGGANU
(1) SETIU
(1) BESUT
(1) KEMAMAN

SYARAT LANTIKAN : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia; dan
- b) rakyat Negeri Terengganu; dan
- c) berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- d)
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - iii. bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

dan

- e) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki tanpa bersepatu;
 - ii. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki;

-
- iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - iv. mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - v. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : 2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1 (d)(i) dan 1(d)(ii) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT JABATAN : Lelaki sahaja.

DESKRIPSI TUGAS : Pembantu Keselamatan melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset kerajaan melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis kerajaan termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).

CARA MEMOHON

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian (online) dan melengkapkan semua maklumat melalui pautan google form di bawah:



<https://forms.gle/9V2vAUKHSYF5Gh5t7>

Pembantu Keselamatan

(Sila pastikan pemohon mempunyai akaun Google / gmail.com)

- 2) Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- 3) Hanya calon-calon berjaya disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
- 4) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 5) Tarikh tutup permohonan **pada 23 Februari 2025 (Ahad), jam 12.00 tengah hari.**



Unit Perjawatan dan Perkhidmatan, Yayasan Islam Terengganu
09-6300 300 / 341 /343 /344